

## **Telaah Filologi dalam Manuskrip Melayu: Menggali Akal Budi Pemikir Bangsa**

Rohaya Md Ali<sup>1\*</sup> dan Phat Awang Deng<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Unit Bahasa Sastera dan Budaya Melayu, Pusat Pengajian Bahasa Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia (UUM).

### **ABSTRAK**

*Telaah filologi terhadap naskhah-naskhah Melayu merupakan suatu usaha yang penting bagi mendedahkan kepada khalayak pembaca tentang unsur yang terkandung dalam sesebuah naskhah. Kajian terhadap naskhah Melayu amat penting dalam usaha menggali khazanah bangsa dalam mendepani era revolusi 4.0 agar dapat membangun modal insan negara yang seimbang dan harmoni. Di dalamnya terkandung pelbagai adat resam kebudayaan, buah fikiran, budi pekerti, pantang larang, hiburan dan pancaran pelbagai dimensi kehidupan masyarakat nusantara yang sezaman dengannya. Sehubungan itu, makalah ini akan meneliti naskhah Hikayat Nabi Sulaiman (MSS 2341) yang diperoleh daripada Pusat Manuskrip Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) yang menggunakan tulisan jawi bertulis tangan. Penelitian dengan menggunakan kaedah analisis teks ini menggunakan teori interteks dengan menumpukan kepada aspek ekspansi atau perluasan yang terdapat dalam naskhah Hikayat Nabi Sulaiman dengan teks dasar atau hipogramnya adalah bersumberkan Al-Quran. Hasil penelitian memperlihatkan bahawa berlaku ekspansi, iaitu pengembangan atau perluasan dalam naskhah Hikayat Nabi Sulaiman secara berleluasa melalui peristiwa yang ditokok tambah daripada teks hipogram atau teks dasar sebagai usaha pengembangan ilmu dan menyeru masyarakat mendekati ajaran Islam. Hal ini secara tidak langsung dapat memanjangkan hayat sesebuah manuskrip terutama dalam revolusi industri 4.0 melalui teknik digitalisasi sehingga dapat diakses oleh khalayak di peringkat antarabangsa.*

**Kata Kunci:** Filologi, Hikayat Nabi Sulaiman, Manuskrip Melayu, Al-Quran, Pemikiran.

## ***Philology Study in Malay Manuscripts: Exploring The Nature of the Nations***

### **ABSTRACT**

*The philology study of Malay texts is an important effort to expose readers to the readership of the elements contained in a script. This study of the Malay script is a very important study in an attempt to recognize the origin of a culture in a community group. Inside it contains various customs of culture, minds, moral values, taboos, entertainment and the various dimensions of the contemporary life of the contemporary society of the people. In this regard, this paper will make a study of the Prophet's Sulaiman Histories (MSS 2341) obtained from the Malaysian National Library Manuscript Center using handwritten jawi writing. Research using this text analysis method uses intertext theory by focusing on the expansion or extension aspects contained in the Prophet's Sulaiman Hikayat with the basic text or hypogram is the source of the Qur'an. The results show that expansion of the Prophet's Sulaiman scripts widespread through events that are exaggerated from hypogram texts or basic texts as a pursuit of knowledge and call upon the community to approach the teachings of Islam.*

**Keywords:** Philology, The story of Solomon, Malay Manuscript, Quran, Thoughts.

---

\*Koresponden: aya@uum.edu.my

## PENGENALAN

Alam Melayu menyaksikan perubahan yang amat besar dalam penghasilan kesusasteraan bercorak Islam di rantau ini. Ia adalah hasil daripada perkembangan agama Islam yang turut membawa perubahan dari segi amalan hidup masyarakat di Nusantara ini. Bermula dari awal kurun ke-13 sehingga kurun ke-20, agama Islam telah mengambil alih peranannya daripada agama Hindu-Budha dari segala segi merangkumi seluruh kehidupan orang Melayu termasuklah pemikiran, kebudayaan, kesenian, ekonomi, dan politik.

Salah satu manifestasi daripada revolusi pemikiran dan budaya ini ialah hasil-hasil kesusasteraan yang dilahirkan oleh masyarakat Melayu setelah menganut agama Islam (Ali Ahmad dan Siti Hjar Che Man, 1996: xi-xii). Dapat dikatakan bahawa zaman setelah kedatangan Islam sehingga kedatangan penjajah Inggeris dan Belanda pada akhir kurun ke-19 merupakan zaman kegemilangan bercorak Islam. Sehubungan itu juga, cerita tentang para Nabi atau lebih dikenali juga sebagai al-Anbiya' dalam kesusasteraan Melayu merupakan salah satu sastera warisan Islam dan mendapat sambutan yang meluas dalam kalangan masyarakat Melayu pada suatu ketika dahulu.

Sehingga kini, cerita para nabi tetap mendapat tempat dan begitu terkenal dalam masyarakat Melayu. Hal ini dapat dilihat dengan adanya usaha-usaha penerbitan oleh penerbit-penerbit tempatan dan juga dengan adanya usaha mengkaji naskhah-naskhah lama oleh pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi mahupun orang ramai.

Dari segi akidah, sudah menjadi kewajipan bagi setiap muslim mempercayai kehidupan nabi-nabi sebagai manusia pilihan Allah, malah wajib bagi seorang muslim mengenal sejumlah Nabi dan Rasul kerana mereka beriman kepada Allah dan hari Akhirat. Selain daripada pengajaran secara langsung atau penerangan-penerangan tentang kebesaran dan kekuasaan Allah, mereka diberikan juga mukjizat yang menjadi tanda-tanda dekatnya mereka kepada Allah. Tarikan kepada cerita-cerita tentang para rasul dan para nabi bukan sahaja didasarkan kepada kesucian diri mereka malahan terhadap perjuangan-perjuangan mereka yang luar biasa dan kejadian-kejadian bersifat mukjizat yang amat aneh (Ali Ahmad dan Siti Hajar Che Man, 1996:38). Mereka turut menjelaskan bahawa hikayat-hikayat yang mengandungi cerita para Nabi yang dipetik daripada Al-Quran dipercayai bersumberkan cerita-cerita Nabi di dalam bahasa Arab. Cerita-cerita ini adalah berdasarkan penceritaan semula kisah-kisah daripada Al-Quran dengan tambahan daripada pelbagai sumber sokongan seperti tafsiran dan cerita-cerita rakyat masyarakat Yahudi dan Nasrani. Karya-karya yang bersumberkan bahasa Arab termasuklah cerita-cerita tentang para sahabat, raja-raja dan pahlawan Islam.

Cerita tentang Nabi Sulaiman ini juga merupakan antara cerita yang amat popular dalam masyarakat Melayu di Nusantara ini. Nabi Sulaiman adalah antara 25 orang nabi yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T dengan pelbagai kelebihan dan kekuatan dalam pemerintahan. Kelebihannya dalam memahami semua bahasa binatang menyebabkan Nabi Sulaiman menjadi sinonim dengan cerita-cerita binatang yang dijadikan bahan bacaan umum untuk kanak-kanak sebagai satu unsur didaktik kepada mereka. *Hikayat Nabi Sulaiman* ini tergolong sebagai sastera Islam kerana ceritanya adalah berdasarkan Al-Quran yang menjadi pegangan umat Islam. Cerita tentang kehebatan Nabi Sulaiman itu sendiri sebenarnya telah berlegar dalam pemikiran masyarakat sejak sekian lama, sama ada melalui pembacaan tentang kisah-kisah nabi mahupun dalam proses sosialisasi seseorang dalam masyarakat.

Sehubungan itu, penelitian ini akan menyentuh secara tidak langsung tentang apakah filologi, yang akan dibincangkan secara umum dan sepintas lalu, dan seterusnya meneliti pemikiran yang terdapat dalam teks yang telah ditransliterasi, iaitu teks *Hikayat Nabi Sulaiman* (selepas disebut HNS) bagi melihat aspek pengembangan atau ekspansi, iaitu satu daripada prinsip yang terdapat dalam teori intertekstualiti.

## TELAAH FILOLOGI SEPINTAS LALU

Menurut Edwar Djamaris (1997:21), filologi berasal daripada bahasa Latin hasil dari gabungan dua kata “philos” dan “logos”. Philos membawa maksud ‘cinta’ dan logos membawa maksud ‘kata’ atau ‘ilmu’. Secara harafiahnya, filologi bererti cinta pada kata-kata. Oleh itu, kata-kata dipertimbangkan, dibetulkan, dibandingkan, dijelaskan asal usulnya sehingga dapat menjelaskan akan bentuk dan ertinya.

Manakala dalam *Kamus Istilah Filologi* (1977:27), didefinisikan sebagai “ilmu yang menyelidiki perkembangan kerohanian dan bangsa dan kekhususannya, atau menyelidiki kebudayaan berdasarkan bahasa dan sasteranya.

Kegiatan filologi merupakan satu kaedah yang paling berkesan untuk memastikan bahawa teks tersebut terus mendapat perhatian daripada orang ramai. Filologi adalah tahap pendahuluan yang sangat penting bagi ilmu sastera kerana ia merupakan ilmu bantu untuk mengadaptasi sesebuah teks dengan lebih berkesan lagi. Menurut Siti Hawa Salleh (1999:54), pelbagai genre sastera tradisional menjadi jambatan yang menghubungkan masyarakat moden dengan zaman silam. Hal ini kerana khazanah sastera Melayu sama ada yang terlepas dibawa ke merata tempat ke luar Negara khususnya mahupun yang terkumpul sekarang di pusat-pusat tertentu dalam dunia Melayu seperti Malaysia, Indonesia dan Brunei Darussalam. Menurut Gallop (2014), iaitu seorang yang bertanggungjawab mengumpulkan koleksi Melayu dalam bahasa Melayu dan Indonesia dari Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura bagi melengkapkan koleksi di British Library (ucapan beliau dalam *Talk on Malay Manuscripts in British Collections* by Dr. Annabel Teh Gallop di Auditorium Bangunan Tambahan Perpustakaan Sultanah Bahiyah, UUM pada 5 Februari 2014), terdapat lebih kurang 100 jilid manuskrip Melayu di British Library, dan yang paling tua dipercayai berasal dari abad ke-17 hingga ke-19.

Melihat kepada perkembangan awal ilmu filologi ini di dunia Melayu, kegiatan awalnya bermula di Barat. Siti Hawa Salleh (1999:54) menjelaskan bahawa orang baratlah yang mula-mula meneliti naskhah Melayu dengan menggunakan pendekatan filologi Barat, yang kemudiannya disesuaikan mengikut keadaan tertentu. Sebagai sebuah hasil sastera zaman awal, banyak perkara yang disebutkan dalam sesebuah naskhah tidak atau kurang difahami masyarakat kini. Maka menjadi tanggungjawab peneliti untuk menerangkan berbagai-bagai hal yang tidak jelas dalam naskhah tersebut kepada pembaca.

Ding Choo Ming (2008) menjelaskan bahawa tradisi penulisan manuskrip Melayu telah dipelihara dengan baik oleh sekumpulan pengarang dan penyalin Melayu dari pelbagai bidang di bawah naungan raja-raja Melayu di istana yang menjadi pusat kerajaan Melayu yang tersebar luas di Dunia Melayu. Terdapat ribuan manuskrip Melayu yang tersimpan dalam 151 buah perpustakaan di 57 buah negara yang boleh diteliti bagi menyemarakkan kembali kemegahan orang Melayu. Menurut beliau lagi, tradisi menyelenggara, memperbaiki, dan mengeluarkan edisi baru manuskrip Melayu sebenarnya telah wujud sejak sepanjang tradisi kepengarangan Melayu manuskrip Melayu itu sendiri yang berkemungkinan bertempat di istana Melayu.

Secara umum, edisi baru yang diselenggarakan itu boleh dibahagikan kepada dua bentuk, iaitu pertama, edisi diplomasi (*diplomatic edition*). Edisi ini telah dibuat dengan teliti, kekal sebagaimana teks asal tanpa apa-apa pindaan. Kedua, edisi kritis (*critical edition*), iaitu edisi hasil daripada pembetulan kesilapan, kelainan, perbezaan, malahan pembahagian bab teks asal (Ding Choo Ming, 2000:37).

Sehubungan itu, naskhah *Hikayat Nabi Sulaiman* yang ditangani ini digarap dengan menggunakan kaedah edisi kritis. Kaedah transliterasi dilakukan berdasarkan buku *Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Rumi* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1988.


## KETERANGAN NASKHAH

Naskhah *Hikayat Nabi Sulaiman* ini diperolehi daripada Pusat Manuskrip Perpustakaan Negara Malaysia dan mempunyai kod MSS 2341. Naskhah ini menggunakan huruf Jawi bertulis tangan dan satu-satunya manuskrip yang dimiliki oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) yang paling lengkap, manakala di Universiti Malaya pula hanya terdapat dalam bentuk mikrofilem dengan kod 3537 tetapi tidak lengkap. Naskhah *Hikayat Nabi Sulaiman* ini juga terdapat di SOAS University of London dengan kod MS25031. Dikenali juga sebagai *Tale of Solomon, Son on David*, dan *Solomon, King of Israel* dan boleh diperolehi secara digital.

Naskhah yang ditangani ini mempunyai 78 jumlah halaman. Walau bagaimanapun, jumlah halaman tidak dinyatakan, sebaliknya hanya diletakkan 'kata-kata penarik' di bahagian bawah halaman dengan menggunakan perkataan terakhir pada setiap baris. Keadaan ini sebagai tanda bahawa setiap halaman tersebut bersambungan antara satu sama lain.

Berhubung dengan tarikh bilakah naskhah ini dihasilkan tidaklah dapat diketahui dengan tepat kerana tiada disebutkan tarikh seperti kebanyakan teks yang terdapat pada hari ini. Walau bagaimanapun pada bahagian akhir naskhah ini, iaitu pada bahagian kolofon ada disebutkan bahawa:

*Wallahu a'lam bittawwab, tempat surat ini pada haribulan Syaaban (HNS, hlm. 78)*



**Gambar 1.** Bahagian akhir naskhah/ kolofon.

Oleh kerana maklumat terlalu ringkas, tarikh penghasilan naskhah ini tidak dapat diketahui dengan tepat. Kakitangan Pusat Manuskrip Perpustakaan Negara Malaysia juga tidak mengetahui berhubung tarikh naskhah tersebut dihasilkan. Namun begitu, daripada kajian yang dilakukan, dapatlah disimpulkan bahawa naskhah ini mungkin terhasil sekitar awal abad ke 20 lagi. Ini kerana pada ketika itu sudah ada kesedaran di kalangan penduduk tempatan untuk menyalin cerita yang didengar dan juga sebagai perintah raja-raja pada ketika itu.

Keadaan naskhah masih dalam keadaan baik dan tulisan amat jelas dibaca. Keadaan ini mungkin disebabkan faktor penjagaan yang rapi oleh pemilik sebelum diserahkan kepada Perpustakaan

Negara Malaysia. Naskhah ini tidak mempunyai kulit luar. Halaman pertama bermula dengan ucapan:


بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillahilahi rabbil a..... (ayat pembuka kata/ ayat al quran)

Seterusnya bermula penceritaan dengan mengenalkan watak Nabi Sulaiman seperti berikut:

“...dan cetera dari empat orang laki-laki. Maka dua orang itu mukmin dan yang dua itu kafir. Maka yang seorang itu Nabi Allah Sulaiman anak Nabi Allah Daud a.s. dan seorang itu Raja Iskandar Dhu-alQarnayn anak Raja Darat...” (hlm.1)

Naskhah mempunyai lima kuras berjahit benang. Kertas yang digunakan ialah kertas Laid Eropah yang berwarna putih kekuningan. Walaupun naskhah dapat dibaca tetapi keadaan kertasnya pada keseluruhan naskhah tersebut seperti mengembang terkena air. Naskhah kelihatan agak kuning kehitaman.



Gambar 2. Naskhah bertulis tangan.

Dari segi ukuran naskhah ialah 23.5 x 17 sm dengan jumlah halaman sebanyak 78 halaman. Setiap halaman mempunyai 26 baris kecuali halaman terakhir hanya berjumlah 20 baris. Manakala jarak di antara satu baris dengan baris yang lain pada setiap halaman ialah 0.5 cm.

Dari aspek tulisan yang digunakan ialah tulisan jawi sepenuhnya dan mempunyai dua jenis dakwat yang digunakan iaitu hitam dan merah. Dakwat merah hanya terdapat pada perkataan tertentu seperti perkataan “maka”, “dan”, “syahdan”, “maka tatkala”, “maka titah”, yang digunakan bertujuan untuk memulakan sesuatu ayat. Selain menggunakan warna merah untuk perkataan tertentu dalam bahasa Melayu, juga digunakan untuk ayat-ayat al Quran dan bahasa Arab. Selain untuk penggunaan ayat-ayat tertentu berdakwat merah, sepenuhnya adalah berdakwat hitam.

Pada halaman terakhir naskhah terdapat kolofon berbentuk “V” (rujuk Gambar 1) dan lazimnya ia merupakan satu teknik yang digunakan oleh pengarang Melayu tradisional. Lazimnya pada bahagian kolofon ini terdapat maklumat seperti nama pengarang, tarikh naskhah terhasil, ucapan maaf kepada pembaca dan ucap syukur kepada Tuhan. Namun begitu, pada naskhah *Hikayat Nabi Sulaiman* ini tidak mempunyai banyak maklumat seperti kebiasaan kolofon dalam naskhah yang lain. Hanya disebutkan seperti berikut pada kolofon ini iaitu:

*Wallahu a'lam bittawwab, tempat surat ini pada haribulan Syaaban (HNS, hlm. 78).*

## EKSPANSI DALAM MANUSKRIP HNS: AKAL BUDI PEMIKIR MELAYU

Secara umumnya ekspansi bermaksud perluasan atau pengembangan sesuatu teks akibat daripada pembacaan teks asal atau disebut sebagai hipogram. Ekspansi merupakan satu daripada prinsip yang terdapat dalam teori intertekstualiti. Teori interteks menjelaskan bahawa dalam sesebuah teks adalah hasil himpunan atau kombinasi pelbagai teks (Barthes, dalam Mana Sikana, 1990:201). Menurut Barthes lagi, biasanya sesebuah karya sastera yang dihasilkan mempunyai bentuk baru atau kelainan teknik kepengarangannya berbanding dengan karya yang ditulis oleh pengarang terdahulu.


Menurut Rifafaterre (dalam Mana Sikana, 1990:201) proses ekspansi atau perluasan memerlukan pemahaman yang mendalam ke atas teks asal atau disebut sebagai hipogram. Hipogram ini boleh terdiri daripada teks tradisional, teks pengarang itu sendiri, teks pengarang lain atau pun teks bukan kreatif. Menurutnyanya lagi, teks asal atau hipogram ini menjadi subjek utama kepada pengarang teks terkini untuk melakukan adaptasi dan juga perluasan atau pengembangan. Lazimnya, teks baru yang terhasil adalah lebih panjang dan banyak peristiwa yang terlibat serta berlaku tokok tambah. Namun begitu, ekspansi memerlukan pemahaman yang mendalam terhadap teks asal agar perluasan atau pengembangan yang dilakukan masih mempunyai kaitan dengan teks dasar yang menjadi idea utama dalam sesuatu perluasan atau pengembangan. Sehubungan itu, penelitian ini melihat ekspansi atau perluasan yang terdapat dalam naskhah HNS dengan teks hipogramnya ialah Al-Quran. Penelitian ini hanya membicarakan aspek perluasan peristiwa yang terdapat dalam naskhah HNS yang berbeza dari teks dasar atau hipogram iaitu Al-Quran sebagai sebahagian daripada pemikiran tinggi oleh pengarang Melayu tradisional.

Aspek pengembangan atau ekspansi dalam naskhah ini memperlihatkan bahawa peristiwa-peristiwa utama telah dikembangkan atau diperluaskan daripada teks hipogram iaitu Al-Quran. Terdapat beberapa peristiwa yang dimasukkan dalam naskhah transliterasi HNS ini telah dibuat penambahan dan ada juga yang tidak dinyatakan atau disebut dalam Al-Quran. Hal ini dapat dilihat seperti dalam jadual di bawah:

### Peristiwa Kehilangan Burung Pelatuk


Berdasarkan peristiwa kehilangan Pelatuk/belatuk dalam Al-Quran dan naskhah HNS ini, teknik penceritaan yang digarapkan oleh pengarang berlainan antara keduanya. Hal ini dapat dilihat seperti berikut:

**Jadual 1** Peristiwa kehilangan burung belatuk

HIKAYAT NABI SULAIMAN	AL-QURAN
<p>Dan adalah Nabi Allah Sulaiman pada waktu sembahyang itu, maka apabila ia berkehendak akan air sembahyang, maka Pelatuklah yang membicarakan air sembahyangnya serta sekalilah dengan sekalian lasykarnya. Maka adalah sampai waktu Asar, maka titah Nabi Allah Sulaiman, "betapa halnya tiadalah kulihat Pelatuk ini. Ke manalah ghaibnya?" (HNS: 3)</p>	<p style="text-align: center;">  </p> <p>Dan (setelah itu) Nabi Sulaiman memeriksa kumpulan burung (yang turut serta dalam tenteranya) lalu berkata: "Mengapa aku tidak melihat burung belatuk? Adakah ia dari mereka yang tidak hadir? (An-Naml 27:20)</p>

Peristiwa kehilangan pelatuk dalam HNS bermula apabila Nabi Allah Sulaiman menyedari Pelatuk telah tiada ketika baginda hendak mengambil air sembahyang untuk menunaikan sembahyang Asar. Ini kerana Pelatuk telah ditugaskan untuk menyediakan air sembahyang setiap kali baginda hendak menunaikan sembahyang. Peristiwa kehilangan Pelatuk telah berlanjutan sehingga waktu Asar hampir habis. Keadaan ini telah menyebabkan kemarahan Nabi Allah Sulaiman sehingga beliau berjanji sekiranya Pelatuk pulang tanpa memberi alasan yang munasabah, Pelatuk akan dihukum dengan siksaan yang berat. Peristiwa ini dijelaskan seperti berikut:



**Jadual 2** Persamaan peristiwa

HIKAYAT NABI SULAIMAN	AL-QURAN
<p>Maka tatkala Pelatuk sampai kepadanya, maka dipegang Nabi Allah kepalanya serta ia bertitah, "hai Pelatuk, ke manalah lama engkau pergi? Bahawasanya aku bersumpah aku hendak menyeksakan engkau sebagai siksanya yang amat sangat atau aku sembelihkan engkau dan jikalau engkau datangkan dengan hajat yang nyata, maka dapatlah dikira-kiranya lagi". Maka telah dicabutnya bulu Pelatuk itu serta diikatkannya di tengah panasnya dan dijiraskan minyak zaitun di atas tubuhnya maka berteriak-teriaklah Pelatuk serta berdatang sembah (HNS:3)</p>	<p style="text-align: center;">  </p> <p>"Demi sesungguhnya! Aku akan menyeksanya dengan seksa yang seberat-beratnya, atau aku akan menyembelihnya, kecuali ia membawa kepadaku alasan yang terang nyata (yang membuktikan sebab-sebab ia tidak hadir)". (An-Naml 27:21)</p>

### Peristiwa Pertemuan Nabi Sulaiman dan Puteri Balqis

Kisah di antara Nabi Sulaiman dengan Puteri Balqis dari Kerajaan Saba merupakan antara kisah yang popular dan sering dijadikan cerita utama dalam masyarakat Islam. Puteri Balqis merupakan seorang puteri yang cantik tetapi mempunyai pegangan agama menyembah matahari. Di dalam Al Quran ada menyebutkan bahawa setelah belatuk mendapat khabar atau berita tentang Puteri Balqis dan kerajaannya, maka Belatuk telah melaporkan berita tersebut kepada Nabi Sulaiman. Nabi Sulaiman seterusnya mengirimi surat supaya kerajaan Puteri Balqis memeluk agama Islam. Peristiwa perihal penghantaran surat oleh Pelatuk/Belatuk dalam naskhah HNS dan Al-Quran ini dijelaskan seperti berikut:

**Jadual 3** Surat Sulaiman kepada Balqis

HIKAYAT NABI SULAIMAN	AL-QURAN
<p>Bahawasanya, ini surat daripada Nabi Allah Sulaiman raja yang milikkan sekalian alam yang dianugerahkan Allah subhanahu wa Taala. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ, hai Raja Yaman. Maka janganlah engkau meninggikan daripada aku dan jangan kamu keras kerajaan kamu dan kamu turutlah agama aku daripada Islam kerana diperkenankan oleh Allah ini agama Islam. Dan jikalau tiada turut seperti perkataanku ini, nescaya aku binasakan negeri kamu itu dan akulah pesuruh daripada Allah menghukumkan segala manusia dan jin dan sekalian makhluk disuruh masukkan agama Islam, perbuat ibadat kepada Allah Taala dengan sebenarnya dikerjakan (HNS: 6).</p>	<p style="text-align: center;">  </p> <p>"Sesungguhnya surat itu dari Nabi Sulaiman, dan kandungannya (seperti berikut): 'Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani, (An-Naml 27:30)</p> <p style="text-align: center;">  </p> <p>"Bahawa janganlah kamu meninggi diri terhadapku, dan datanglah kamu kepadaku dengan menyerah diri (beriman dan mematuhi ajaran agama Allah). ' " (An-Naml 27:31)</p>

Selepas menerima surat daripada Nabi Sulaiman, Puteri Balqis telah bermusyawarah dengan pembesar negerinya berhubung seruan Nabi Sulaiman tersebut. Akhirnya Puteri Balqis telah membalas surat tersebut dan mengirim hadiah serta meminta Nabi Sulaiman membuktikan kenabiannya dengan menyediakan segala keperluan yang diperlukan oleh Puteri Balqis seperti dalam Jadual 4 di bawah. Namun begitu, peristiwa tersebut tidak dinyatakan di dalam Al-Quran. Sebaliknya Al-Quran hanya menyebut tentang hadiah yang dibawa oleh Puteri Balqis kepada Nabi Sulaiman tanpa ada sebarang syarat yang perlu dipenuhi. Pertemuan antara Nabi Sulaiman dan Puteri Balqis di dalam Al Quran disebut seperti dalam Jadual 4 berikut:

**Jadual 4** Surat Balqis kepada Sulaiman

HIKAYAT NABI SULAIMAN	AL-QURAN
<p>Ini surat daripada Sultan Puteri Balqis sampaikan Nabi Allah Sulaiman Ibnu Daud a.s. Maka adalah Puteri Balqis yang memerintahkan negeri Saba dengan Yaman telah aku kirimkan padamu hadiah aku. Maka ini maka terimalah ambil kepadamu. Tetapi kami pohonkan padamu dan jikalau sungguh engkau mengatakan dirimu itu Nabi, dan barang yang di dalam thobak aku ini bukanlah olehmu. Kemudian kamu pohonkanlah isinya lain daripada air di langit dan di bumi dan di kayu. Kemudian, kamu bezakan sahaya aku ini manalah laki-laki dan manalah perempuannya. Kemudiannya, maka adalah aku beri mari unta dua ekor ini. Maka mana-mana ibunya dan mana-mana anaknya katalah olehmu; dan kami kirimkan manik ini dan kamu masukkan benang pada lubangnya. Tetapi pada halnya janganlah kamu suruh manusia dan jin dan syaitan memasukkan dia; dan suatu manik tiadalah berlubang. Maka kamu tembuskan lubangnya dan jikalau kerjakan seperti permintaan kami ini, sekalian mengikutlah ugama kamu. Kemudian kami minta kamu ambikan kota kami dan pengadapan kami dan taman kami dan mahligai kami. Angkat pergi letakkan beri beraturkan dengan kota kamu di dalam tiga harilah sahalanya habislah sekaliannya (HNS: 12)</p>	<p>وَإِنِّي مُرْسِلَةٌ إِلَيْهِمْ بِهَدِيَّةٍ فَنَاظِرَةٌ بِمَ يَرْجِعُ الْمُرْسَلُونَ ﴿٣٥﴾</p> <p>"Dan bahawa aku hendak menghantarkan hadiah kepada mereka, kemudian aku akan menunggu, apakah balasan yang akan dibawa balik oleh utusan-utusan kita" (An-Naml 27:35)</p> <p>فَلَمَّا جَاءَ سُلَيْمَنٌ قَالَ أَتُمِدُّونَ بِمَالٍ فَمَا آتَيْنَاهُ اللَّهُ خَيْرٌ مِّمَّا آتَيْنَاكُمْ بَلْ أَتُومَ بِهِدِيَّتِكُمْ تُفَرِّحُونَ ﴿٣٦﴾</p> <p>Maka apabila (utusan pembawa hadiah itu) datang mengadap Nabi Sulaiman, berkatalah Nabi Sulaiman (kepadanya): "Tidaklah patut kamu memberikan kepadaku pemberian harta-benda, kerana apa yang telah diberikan Allah kepadaku lebih baik dari apa yang telah diberikanNya kepada kamu; (bukan aku yang memandang kepada pemberian hadiah) bahkan kamulah yang bergembira dengan hanya kekayaan yang dihadiahkan kepada kamu (atau yang kamu hadiahkan dengan perasaan megah). (An-Naml 27:36)</p>

**Jadual 5.** Pertemuan Nabi Sulaiman dengan Puteri Balqis

HIKAYAT NABI SULAIMAN	AL-QURAN
<p>"...maka mengangkatlah akan kainnya hendak mengharung di dalam laut kaca itu. Maka tatkala itu jatuh cintanya maka tenggelamlah aku di dalam laut ini. Maka mati lemaslah aku di dalam air ini. Maka pengsanlah Balqis itu tiada khabar akan kemaluannya maka menyingsingkan betisnya daripada pakaiannya. Maka tiba-tiba kelihatanlah banyak bulu kepada betisnya dan terlalulah panjangnya dan serta diturunkan kedua kakinya pada sirah kaca itu. Maka pada waktu itu, Nabi Allah Sulaiman tengah duduk sembahyang. Maka telah selesai daripada Nabi Allah sembahyang itu, maka</p>	<p>قِيلَ لَهَا ادْخُلِي الصَّرْحَ فَلَمَّا رَأَتْهُ حَسِبَتْهُ لُجَّةً وَكَشَفَتْ عَنْ سَاقِيهَا قَالَتْ إِنَّهُ صَرْحٌ مُّمَرَّدٌ مِّن قَوَارِيرَ قَالَتْ رَبِّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي وَأَسْلَمْتُ مَعَ سُلَيْمَانَ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٤٤﴾</p> <p>(Setelah itu) dikatakan kepadanya: "Dipersilakan masuk ke dalam istana ini." Maka ketika ia melihatnya, disangkanya halaman istana itu sebuah kolam air, serta</p>



<p>terpandang ia pada sebelah atasnya Puteri Balqis itu. Maka tiada dengan qasadnya hendak melihat pada kakinya. Maka tiba-tiba terpandang turun ke bawahnya, maka nampaklah pada betisnya terlalulah panjang bulunya. Maka hilang 'siar' pada hatinya akan hendak diambil akan isterinya.</p> <p>....</p> <p>Maka tatkala berkata Balqis itu maka datanglah Jibrail menyabut bulu betis kepada kaki Balqis, maka hilanglah seperti pandangan Nabi Allah Sulaiman yang dahulunya itu.</p> <p>...</p> <p>Maka tatkala didengar oleh kaumnya Balqis menyebut <i>laa ila ha illallahuwah dahu laa syari kalahu wa sulaima nu rasullullah</i> ibnu Daud a.s., maka sekalian pun menyebut <i>laa ila ha illallahu wa sulaima nu rasullullah</i> maka masuklah sekalian kaumnya Islam itu kesemuanya..." (HNS: 25).</p>	<p>dia pun menyingsingkan pakaian dari dua betisnya. Nabi Sulaiman berkata: "Sebenarnya ini adalah sebuah istana yang diperbuat licin berkilat dari kaca". (Mendengar yang demikian), Balqis berdoa: "Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku telah menganiaya diri sendiri dan (sekarang aku menegaskan bahawa) aku berserah diri memeluk Islam bersama-sama Nabi Sulaiman, kepada Allah Tuhan sekalian alam ". (An-Naml 27:44)</p>
---	--

- Ekspansi/ perluasan apabila dimasukkan peristiwa Nabi Sulaiman terpandang betis Puteri Balqis yang banyak bulu dan timbul rasa tidak berkenan dalam hati Nabi Sulaiman kepada puteri Balqis.

Aspek perluasan atau pengembangan dalam naskhah HNS dapat dikaitkan dengan pengetahuan dan pengalaman pengarang yang mungkin mendapat pendidikan dan pengalaman dari timur tengah. Maka penghasilan teks dengan penambahan peristiwa-peristiwa tertentu memperlihatkan kreativiti dan kemahiran menulis yang ada pada mereka dengan menghasilkan karya sastera berbentuk keagamaan bagi menambahkan dan menarik minat orang ramai tentang Islam. Selain itu, penyebaran agama Islam juga telah dilakukan oleh ulama dari luar yang dibawa masuk ke nusantara bagi memperkuat lagi ilmu agama masyarakat yang ketika itu masih mempunyai pengaruh yang agak kuat terhadap agama Hindu-Budha.

Di samping itu juga, dalam usaha untuk menarik orang ramai mendekati agama Islam, karya sastera bercorak Islam seperti HNS ini turut ditokok tambah tentang kehebatannya. Kisah Nabi Sulaiman dan Puteri Balqis merupakan antara kisah yang paling menarik dan begitu mendapat perhatian masyarakat pada ketika itu untuk diikuti. Oleh itu, ekspansi atau perluasan ini memainkan peranan penting dalam usaha menarik minat orang ramai supaya lebih dekat dengan ajaran Islam. Ekspansi yang dilakukan ialah dengan menokok tambah cerita daripada teks asal atau teks hipogram. Contohnya dapat dilihat bagaimana Nabi Sulaiman melihat betis Puteri Balqis yang menjelikkan sehingga tawar hatinya untuk memperisterikan Puteri Balqis. Kisah tersebut tidak terdapat dalam Al Quran, tetapi ditokok tambah oleh pengarang sama ada atas kreativiti sendiri atau berdasarkan sumber-sumber yang tidak sah.

### **Peristiwa Nabi Sulaiman Menolong Hambanya yang Miskin**

Peristiwa Nabi Sulaiman menolong seorang hambanya yang miskin yang juga bernama Sulaiman hanya terdapat dalam naskhah HNS. Teks dasar atau hipogram Al-Quran tidak ditemui peristiwa seperti yang terdapat dalam naskhah HNS ini.

Peristiwa ini terjadi apabila Nabi Sulaiman ingin menolong seorang hambanya yang miskin hidupnya ibarat kais pagi makan pagi kais petang makan petang. Nabi Allah Sulaiman mencari jalan untuk menolong hambanya ini agar tidak diketahui oleh orang ramai dengan cara mengisi emas dan permata di dalam sebiji timun tanpa diketahui oleh Sulaiman itu dan dipesannya supaya dibelah timun tersebut di hadapan anak dan isterinya. Tetapi sebaliknya timun dijual kepada seorang saudagar dengan harga dua rial. Setelah dilihat tidak juga berubah miskin

hambanya, Nabi Sulaiman memerintahkan pula hambanya mencari sebatang tebu dan dikorek isi tebu tersebut dan diisi dengan emas permata. Sekali lagi tebu tersebut juga dijual kepada seorang saudagar dengan harga dua rial.

Setelah mendapati tidak juga berubah miskinnya, Nabi Sulaiman telah memanggilnya ke istana dan menceritakan apa yang sebenarnya berada di dalam timun dan tebu tersebut. Hambanya merasa sungguh menyesal dan meminta Nabi Allah Sulaiman mengulangnya sekali lagi tetapi tidak dibenarkan oleh Allah s.w.t. kerana sudah ditetapkan takdir hambanya itu sebegitu. Naskhah HNS menjelaskan firman Allah tersebut kepada Jibrail seperti berikut:

**Jadual 6** Peristiwa Nabi Sulaiman cuba menolong Hambanya yang miskin

HIKAYAT NABI SULAIMAN	AL-QURAN
<p>Jikalau berhimpun sekaliannya jin dan manusia di dalam alam ini hendak mengangkat atas hambaKu seseorang, maka tiadalah boleh lamu tiada dengan izinKu, dan jikalau telah berhimpun segala jin dan manusia hendak membinasakan seseorang maka tiadalah boleh, lamu tiada dengan izinKu, maka janganlah engkau berderhakakan dengan Aku; dan jika Aku hendak membinasakan dengan sekejit mata pun tiadalah siapa-siapa yang hendak menahankan kehendakKu ini...maka itulah yang dikatakan kuah janji daripada azalnya, maka tiadalah dapat diubahkan seperti api dengan cahayanya, maka tiadalah boleh sekali-kali akan disukunya dan daripada loh mahfuz itu. Demikian pada hujung sumbu, maka tatkala habis minyak padamlah apinya. Maka janji itu dapatlah dihapuskan, maka janji azali tiadalah dapat dialahkan padanya (HNS:73).</p>	<p>X</p>

Peristiwa di atas tidak terdapat di dalam Al-Quran, sebaliknya hanya terdapat dalam naskhah HNS sahaja. Peristiwa ini merupakan ekspansi atau perluasan daripada teks asal yang sengaja ditokok tambah oleh pengarang naskhah supaya jalan cerita menjadi lebih panjang dan menarik didengar. Daripada peristiwa yang tertera di atas, dapat diketahui bahawa penyampaian karya tersebut bertujuan mengukuhkan akidah umat Islam yang berkaitan dengan Rukun Iman, iaitu percaya kepada qada' dan qadar Allah.

Menurut Ali Ahmad (1996: xiv), hikayat-hikayat yang mengandungi cerita para nabi yang dipetik daripada Al-Quran dipercayai bersumberkan cerita-cerita nabi di dalam bahasa Arab. Cerita-cerita ini adalah berdasarkan penceritaan semula kisah-kisah daripada Al-Quran dengan tambahan daripada pelbagai sumber sokongan seperti tafsiran Al-Quran. Terdapat juga sumber sokongan tersebut diambil daripada cerita-cerita rakyat masyarakat Yahudi dan Nasrani. Sehubungan itu, aspek ekspansi atau perluasan boleh berlaku pada banyak peristiwa di dalam naskhah HNS. Hal ini juga kerana pengarang yang menghasilkan karya pada ketika itu mempunyai bacaan yang banyak berhubung karya-karya sastera yang lain.

### **Kewafatan Nabi Sulaiman**

Peristiwa kewafatan Nabi Allah Sulaiman dalam HNS menunjukkan perbezaan yang nyata daripada Al-Quran. Berdasarkan kitab terjemahan Al-Quran ada menyebut bahawa kewafatan Nabi Allah Sulaiman bermula apabila baginda sedang mengawasi pekerjaannya yang terdiri daripada jin mendirikan mahligai/masjid. Tanpa disedari oleh rakyat jelata, baginda menghembuskan nafas terakhir dalam keadaan berdiri sambil memegang tongkat. Kematiannya hanya disedari oleh anai-anai yang memakan tongkatnya sedikit demi sedikit hingga akhirnya baginda jatuh terlungkup. Peristiwa kewafatan Nabi Allah Sulaiman dalam Al-Quran dan naskhah HNS dapat dilihat seperti berikut:

Jadual 7 Peristiwa kewafatan Nabi Sulaiman

HIKAYAT NABI SULAIMAN	AL-QURAN
<p>Dan Nabi Allah Sulaiman tatkala wafat itu, maka duduklah Nabi Allah berdiri melihat segala tenteranya jin duduk perbuat masjid itu, maka anai-anai yang memegang tongkatnya. Maka tatkala sampailah tiga bulan sepuluh hari, maka salah fikir Raja Semut, “maka apalah sebabnya raja kita ini lama sangat berdirinya dan suatu patah pun tiadalah bertitah, dan jikalau murka sekali pun, maka atas yang dimurkannya. Maka yang lain beberapa banyak lagi segala pengawanya duduk mengadap itu, maka seorang pun tiadalah dibawa bertitah dan mesyuaratnya”.</p> <p>Maka lalu disuruh seekor semut kecil masuk pergi melihat rohnya raja itu. Maka sujud semut itu, maka lalu masuk ia perlahan-lahan ikut lubang hidungnya serta naik ikut ibu kakinya. Maka telah sampailah kepada tempat nyawanya, maka dirasai pada segenap-genap tempatnya maka tiadalah nadi dan angin pada sekalian tubuhnya, maka keluarlah semut kecil itu. Maka berjumpalah dengan anai-anai yang duduk memegang tongkatnya, maka terkejutlah anai-anai itu, maka baharulah tumbang tongkatnya yang dipegang itu. Maka baharulah ketahui oleh segala jin dan manusia dan segala syaitan dan binatang yang liar dan jinak (HNS:62-63)</p>	<p style="text-align: center;">  </p> <p>Setelah Kami tetapkan berlakunya kematian Nabi Sulaiman, tidak ada yang menunjukkan kepada mereka tentang kematiannya melainkan semut putih (anai-anai) yang telah memakan tongkatnya. Maka apabila ia tumbang, ternyata kepada golongan jin itu, bahawa kalaulah mereka sedia, mengetahui perkara yang ghaib nescaya mereka tidak tinggal sedemikian lamanya di dalam azab (kerja berat) yang menghina. (Saba' 34:14)</p>

Berhubung kewafatan Nabi Sulaiman juga, keterangan dalam kitab terjemahan Al-Quran juga ada menyebut bahawa ketika baginda mengawasi pekerjaannya yang terdiri daripada jin membina mahligai/masjid, maka baginda merasa sakit lalu masuk ke mihrab. Di saat baginda berdiri sambil memegang tongkatnya lantas melayang nafas yang penghabisan. Setelah hampir setahun kematiannya barulah diketahui apabila tongkatnya yang diamkan anai-anai menjadi lapuk dan baginda jatuh terlungkup.

Berhubung peristiwa kewafatan Nabi Allah Sulaiman ini, pada peringkat awal penceritaan, naskah HNS tidak jauh berbeza dengan Al-Quran. Namun begitu, perluasan atau penambahan mula berlaku apabila pengarang memasukkan peristiwa watak Raja Semut dan semut kecil yang masuk ke dalam hidung Nabi Sulaiman bagi memastikan kebenaran kematian Nabi Allah Sulaiman. Perbezaan juga berlaku pada jumlah hari Nabi Allah Sulaiman wafat. Keterangan dalam kitab terjemahan Al-Quran menyebut setahun, manakala di dalam naskah HNS menyatakan tiga bulan sepuluh hari.

Ekspansi atau perluasan dalam naskah HNS berhubung kewafatan baginda juga terlihat melalui peristiwa kesedihan yang digambarkan oleh pengarang dengan penuh tragis dan dramatik. Rasa sedih sekalian makhluk di atas kewafatan Nabi Sulaiman diperlihatkan dalam naskah HNS seperti berikut:

Maka baharulah ketahui oleh segala jin dan manusia dan segala syaitan dan binatang yang liar dan jinak. Maka sekalian itu menangis dan pengsan akan dirinya berguling-guling sekaliannya (HNS:63).

## Peristiwa Nabi Sulaiman Yang Ingin Mengetahui Kejadian Laut Yang Tidak Pernah Kering Walaupun Air Sentiasa Mengalir Deras

Nabi Allah Sulaiman ingin mengetahui hikmat Allah s.w.t kepada laut yang tidak pernah kering walaupun air sungai tidak berhenti turun ke laut. Disuruhnya jin masuk ke pusat laut dengan membawa cincin hikmat 'khotam malakat'. Diceritakan seperti berikut:

Maka jin itu pun turunlah pula maka berjumpalah dengan seekor ketam terlalulah besarnya seperti tujuh puluh kali bukit di dalam dunia ini besarnya duduk ketip lubangnyanya pada pusat tasik laut itu. Maka apabila dibukanya oleh ketam itu, maka turunlah air laut ke atas neraka tiadalah berputus-putusan dan jikalau tiada diperbuat Allah Taala demikian itu, nescaya habislah mati segala tumbuh-tumbuhan di dalam dunia ini kerana panas hawa neraka itu.... sebab pun air kocak-kocak air laut itu kerana angin hawa neraka...(HNS:68)

Ekspansi/perluasan merupakan antara peristiwa yang terdapat dalam naskhah HNS tetapi tidak diceritakan di dalam Al-Quran. Pengarang menggunakan kreativitinya dan pembacaan yang luas ke atas teks-teks sebelumnya sehingga dapat menghasilkan peristiwa yang agak kompleks begitu. Memperlihatkan kekuasaan Allah Taala yang menjadikan langit dan bumi dan segala makhluk yang bernyawa. Pengarang menggunakan imaginasi – ketam sebesar 70x bukit di dunia ini berbanding ketam yang biasa dilihat. Sebagai penguat cerita bagi menambahkan imaginasi pembaca atau khalayak dan secara tidak langsung bagi menggambarkan keagungan Tuhan walaupun peristiwa tersebut tidak dinyatakan di dalam Al-Quran. Surah an-Biyaa' ayat 82 menyebut:

وَمِنَ الشَّيْطَانِ مَن يَغْوِصُونَ لَهُ وَيَعْمَلُونَ عَمَلًا دُونَ ذَلِكَ

وَكُنَّا لَهُمْ حَافِظِينَ

Dan (Kami memudahkan) sebahagian dari Syaitan-syaitan untuk menyelam baginya, serta melakukan kerja-kerja yang lain dari itu; dan adalah Kami mengawal mereka (daripada melanggar perintahnya). (Al-Anbiyaa' 21:82)

## KESIMPULAN

Penelitian ke atas naskhah HNS memperlihatkan berlakunya ekspansi atau perluasan secara berleluasa. Teks dasar atau hipogram iaitu Al-Quran dijadikan sebagai landasan utama dalam usaha memperkembang cerita menjadi lebih panjang dan menarik. Peristiwa-peristiwa utama dari teks dasar telah dikembangkan dengan penambahan dan tokoh tambah. Manakala peristiwa yang tidak terdapat dalam teks dasar telah diadakan oleh pengarang dengan menggunakan kreativiti berdasarkan pengalaman dan bacaan. Namun begitu, peristiwa-peristiwa yang dipaparkan tersebut tetap menyeru kepada kebaikan ajaran Islam dan mengandungi unsur didaktik yang dapat dijadikan iktibar dan pengajaran. Telaah filologi secara tidak langsung dapat membantu menyumbang sesuatu yang bermakna dalam bidang ini sebagai usaha menggali ketinggian akal budi pemikir lampau dalam memperkembangkan ilmu sesuai dengan tuntutan masa dan keadaan. Sesuai dengan perkembangan teknologi dan komunikasi, mendepani era revolusi industri 4.0, langkah-langkah pemuliharaan turut dipertingkatkan. Manuskrip Melayu yang terdapat di dalam dan luar negara kini dapat diperoleh secara digital melalui laman sesawang seperti <http://www.bl.uk/manuscripts/>. British Library London, Perpustakaan Negara Malaysia, dan juga Dewan Bahasa dan Pustaka. Sehingga kini, naskhah-naskhah lama ini dapat dikagumi kerana nilai kandungannya boleh dimanfaatkan oleh pelbagai bidang ilmu yang lain. Manuskrip-manuskrip ini perlu dikaji kerana ia merupakan manifestasi warisan intelektual Melayu.

## RUJUKAN

- Ali Ahmad & Siti Hajar Che Man. (1996). Bunga rampai sastera Melayu warisan Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amer Hudhaifah Hamzah. (2017). Manuskrip Melayu: Isu kontemporari dan lontaran idea. *International Journal of West Asean Studies Volume 9*(1), 23-38.
- Annabel Teh Gallop. (2014). *Talk on Malay Manuscripts in British Collections*. UUM: Perpustakaan Sultanah Bahiyah.
- Boris Panickel. (1995). Perkembangan sastera Nusantara serumpun (Abad ke-7 hingga 9 Masehi). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Edwar Djamaris. (1997). *Filologi dan cara penelitian filologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (1988). *Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Rumi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ding Choo Ming. (2008). *Manuskrip Melayu: Sumber maklumat peribumi Melayu* (Syarahan Perdana). Selangor: Penerbit UKM.
- Hikayat Nabi Sulaiman. (2016). <http://digital.soas.ac.uk/AA00000446/00001>. SOAS University
- Mana Sikana. (1990). *Teori dan kritikan sastera pascamoden*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Mohd. Asmadi Yakob. (2018). *Keintelektualan Melayu dalam manuskrip Jawi dan kitab Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nafon Hasjim. (1990). *Kisasa I-Anbiya*. Indonesia: Perpustakaan Nasional.
- Siti Hawa Salleh. (1999). Kesusasteraan Melayu tradisional dan peranan filologi. *Akademika 54*, 147-155.

